

*sebuah karya*  
**RANI ANN BALARAMAN | MOHAMAD SAIFUDIN**  
**MOHAMAD SALEH | RIZKI BRIANDANA**

# **HIMPUNAN TINTA PENSYARAH MALAYSIA DAN INDONESIA**



Hak penerbitan oleh **Syihabudin Press**.

Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain, sebelum mendapat izin secara bertulis daripada Syihabudin Press Enterprise. Pihak penerbit tidak bertanggungjawab atas kesilapan maklumat walaupun langkah berjaga-jaga sudah diambil.

Dikemaskini pada **SEPTEMBER 2021**

Penerbit Eksekutif	:	Nur Syamimi Izzati Bt. Hasnol Yadi
Pengurus Penerbitan	:	Syihabudin Ahmad
Editor Pengurusan	:	Solehah Binti Abu Bakar
Pembantu Editor	:	Aina Razita Ahmad Rosman
Percetakan	:	Muhammad Muazzam bin Azri
Pereka Letak/Kulit	:	Aina Razita Ahmad Rosman

**Dicetak oleh:**

Santai Ilmu Publication  
9AF, SU Mall, Jalan Bidara 8, Saujana Utama  
47000 Sg. Buloh, Selangor.  
Tel: 03-60391572 | 0133023316  
e-mel: santaiilmu2u@gmail.com  
[www.santaiilmu.net](http://www.santaiilmu.net)  
#santaiilmu

ISBN :

# KANDUNGAN

<b>Prakata</b>	<b>1</b>
<b>Bab 1: Kerjaya, Diri Sendiri, Keluarga Dan Rakan</b>	<b>3</b>
Tinta I – Keluarga, Rakan, Dan Pelajar <i>Rani Ann Balaraman</i>	4
Tinta II – Keluarga Atau Pelajar? Membimbing Dan Mengajar Pelajar Dari Rumah Semasa Pandemik Covid-19 <i>Nur Atikah A Rahman</i>	14 <i>- laru</i>
Tinta III – Khidmat Masyarakat: Membantu Atau Sebenarnya Dibantu? <i>Sharifah Nadiah Syed Mukhiar</i>	24
Tinta IV – Antara Cinta Dengan Cita-Cita <i>Haerani Mustari</i>	31
Tinta V– Anak Kampung, Pensyarah Dan Calon Profesor <i>Ibrahim Muhammah Saleh</i>	39 <i>- laru</i>
Tinta VI – Menjalani Kitaran Penuh Sebagai Pensyarah Universiti <i>Souba Rethinasamy</i>	49
<b>Bab 2: Pengalaman Belajar Di Luar Negara</b>	<b>62</b>
Tinta VII – Timba Ilmu Di Bumi Eropah <i>Mohamad Saifudin Mohamad Saleh</i>	63

Tinta VIII– Keheningan Konvokesyen Tanpa Ayah <i>Hadir Fitra Siagian</i>	72
Tinta IX – Empat Jalan Untuk Meraih Ph.D <i>Muhammad Ruslan Ramli</i>	82
Tinta X – Mencapai Ijazah Doktor Falsafah Di Empat Buah Universiti <i>Arham Selo</i>	92
Tinta XI: Berkelana Menimba Ilmu Di Bumi England <i>Nik Adzrieman Abdul Rahman</i>	101
Tinta XII – Cita-Cita Daripada Pendakwah Hingga Menjadi Pensyarah <i>Hamdani Muhammad Syam</i>	111
Tinta XIII – Saya, Pensyarah Dan Ukm <i>Erman Anom</i>	122
<b>Bab 3: Dilema Dan Cabaran</b>	<b>129</b>
Tinta XIV - Mampukah Untuk Menjadi Pensyarah? <i>Rudy Imran Shamsudin</i>	130
Tinta XV– Dilema Dan Perjuangan Dalam Kerjaya Pensyarah <i>Rizki Briandana</i>	140
Tinta XVI – Bebas Daripada Perangkap Diri <i>Mohd Yusof Zulkefli</i>	147
Tinta XVII – Bermula Dengan Patah Hati, Berakhir Dengan PH.D <i>Melly Ridaryanthi Ph.D</i>	157

Tinta XVIII – Impian Menuju Menara Gading Dan Menjadi Pensyarah <i>Dafrizal Samsudin</i>	167
Tinta XIX – Pengalaman Dan Cabaran Seorang Pensyarah Muda <i>Vimala Govindaraju</i>	178
Tinta XX – Menjadi Pensyarah: Cabaran Dan Godaan <i>H. Sudirman Shomary</i>	188
Tinta XXI- Pengorbanan Seorang Pekerja Yang Bergelar Pelajar <i>Kamaruzzaman Abdul Manan</i>	195
Tinta XXII- Ahli Akademik, Penyelidik Dan Pendidik: Cabaran Seorang Pensyarah <i>Maizatul Farisah Mohd Mokhtar</i>	204
Tinta XXIII – Menelusuri Ranjau Pendidik <i>Shasitharan Raman Kutty</i>	215
<b>Penutup</b>	<b>226</b>
<b>Biodata Penulis</b>	<b>228</b>

# **TINTA XIX – PENGALAMAN DAN CABARAN SEORANG PENSYARAH MUDA**

**Vimala Govindaraju**

## **Permulaan Perjalanan Sebagai Pensyarah**

Sebaik saja tamat pengajian sarjana, saya telah mendapat tawaran untuk melanjutkan pengajian Ph.D. di Universiti Putra Malaysia pada tahun 2010. Dalam proses melanjutkan pengajian, saya telah mendapat tawaran untuk menjadi pensyarah sambilan di beberapa Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Lembah Klang. Saya telah menerima tawaran tersebut untuk mendapatkan pengalaman dan pendedahan dalam kerjaya sebagai pensyarah muda. Saya telah dijadualkan untuk mengajar pelajar-pelajar tempatan dan juga antarabangsa. Kelas pertama saya adalah tentang “General Psychology”. Saya berasa sangat kagum dengan pelajar dan perhatian mereka terhadap kuliah saya. Sebagai seorang pensyarah sambilan, tugas saya lebih tertumpu pada pengajaran dan pembelajaran sahaja.

Selain itu, saya juga telah dilantik sebagai penyelia bagi projek tahun akhir. Tugasan saya

tidak terhenti setakat pengajaran. Walaupun saya hanya seorang pensyarah sambilan, saya juga menjadi penasihat bagi pelajar-pelajar antarabangsa yang sering kekurangan motivasi dalam pelajaran mereka. Dalam hal ini, saya sering mengadakan sesi perbincangan dalam kumpulan bagi tujuan memberikan sokongan moral dan sokongan antara satu sama lain. Sebagai seorang pensyarah, saya percaya ia ialah tanggungjawab saya untuk berkomunikasi dan membimbing pelajar supaya mereka sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran dalam kehidupan pada masa akan datang.



*Foto 1: Kenangan semasa perbincangan dalam kumpulan bersama pelajar*

## Cabaran Sebagai Pensyarah Sambilan

Setelah tujuh tahun tamat pengajian Ph.D., saya berasa belum menjadi pensyarah sepenuhnya walaupun digelar sebagai pensyarah ketika itu. Saya telah meneruskan kerjaya sebagai pensyarah sambilan di beberapa universiti dan kolej swasta. Pada masa yang sama, saya juga berusaha memohon jawatan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Setiap kali dipanggil untuk menghadiri temu duga, saya akan mempersempit kebolehan dan kemahiran dalam menjawab soalan-soalan yang diajukan. Saya selalu meletakkan harapan sepenuhnya dalam proses temu duga disebabkan kata-kata panel yang menjanjikan saya akan dilantik oleh organisasi mereka. Namun ia selalu berakhir dengan ~~keputusan tidak berjaya~~.

### *Kekelewaan.*

Keadaan ini berpanjangan untuk dua tahun selepas saya memperoleh ijazah Ph.D. Pada masa itu, saudara-mara saya begitu prihatin akan kerjaya saya. Ada yang mempersoalkan dan mencurigai ijazah Ph.D saya sama ada ia dianugerahkan setelah habis belajar ataupun ijazah yang dibeli. Hal ini amat membimbangkan dan saya terus berusaha memohon jawatan pensyarah di IPTA di seluruh negara.

Di samping itu, saya telah memfokuskan usaha untuk membangunkan modul pengajaran bersama dengan pihak kolej sebagai pelan masa hadapan. Pada masa yang sama, saya telah dilantik sebagai pensyarah jemputan bagi memberikan ceramah dan seminar motivasi di kolej-kolej swasta.



*Foto 2: Sesi bergambar dengan pengarah Kolej Antarabangsa Elite selepas ceramah*

### **Peralihan Kerjaya Sebagai Pensyarah Sepenuh Masa**

Menjadi rutin harian saya untuk mencari jawatan kosong di institusi pendidikan di seluruh negara melalui platform dalam talian. Saya melihat

*ipal*  
iklan dalam Facebook bahawa akan diadakan temu duga untuk jawatan akademik di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Dari situ, saya telah menghantarkan permohonan kepada Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Profesor Dr. Ambigapathy Pandian dan beliau telah menjemput saya untuk menghadiri sesi temu duga tersebut pada 1 Mac 2019 di Premier Hotel, Kuala Lumpur. Saya telah menghadiri temu duga dengan penuh keyakinan.

Pada 5 April 2019, saya telah menerima e-mel tawaran kerja sebagai pensyarah di UNIMAS. Saya telah diminta untuk melaporkan diri bagi jawatan tersebut pada 1 Julai 2019. Setelah berbincang dengan ahli keluarga dan saya diberitahu perlu membuat persiapan untuk merentas negeri dan akan tinggal bersendirian di bumi Kenyalang. Pada 29 Jun 2019, saya bersama ahli keluarga telah pergi ke Kuching.

Saya telah melaporkan diri sebagai pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UNIMAS pada 1 Julai 2019. Impian menjadi kenyataan dalam hidup saya ketika mendapat tawaran kerja dan melaporkan diri untuk bertugas dengan jawatan tetap dan sebagai kakitangan kerajaan.



*Foto 3: Gambar pintu ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching*

## **Permulaan Hidup Sebagai Pensyarah Muda**

Bermula dari 1 Julai 2019, dengan rasminya saya telah melaporkan diri sebagai pensyarah. Saya telah menyedari bahawa tanggungjawab sebagai pensyarah sepenuh masa lebih berat berbanding dengan pensyarah sambilan. Saya telah diberi tugasan untuk mengajar kursus-kursus program dan juga kursus Mata Pelajaran Umum (MPU). Ia merupakan perkara baharu bagi saya untuk beradaptasi dengan kredit jam mengajar, Program Learning Outcome (PLO) dan Course Learning Outcome (CLO). Hal ini demikian kerana ketika

di IPTS saya hanya diberi rangka kursus dan menyediakan bahan pengajaran sendiri.

Selain itu, saya juga difahamkan bahawa pensyarah perlu fokus pada tugas pengajaran dan penyeliaan pelajar, penulisan jurnal, penyelidikan, kerja-kerja pentadbiran, khidmat masyarakat, penglibatan dalam badan profesional, dan pencarian dana penyelidikan. Saya juga difahamkan bahawa pensyarah perlu terus berusaha untuk menyesuaikan diri dengan skop kerja yang semakin mencabar khususnya dalam penerbitan artikel dalam jurnal berindeks SCOPUS dan International Scientific Indexing. *ifal*

Dalam tugas penyelidikan seperti mendapatkan geran penyelidikan juga amat mencabar dan mengambil masa yang lama untuk disiapkan. Pensyarah perlu berusaha mencari dana atau geran melalui kerjasama dengan industri dan melakukan penyelidikan bagi membantu industri terbabit. Selain itu, pensyarah juga perlu memberikan khidmat rundingan atau sebagai pakar rujuk bagi pihak industri dan memberikan juga khidmat masyarakat kepada komuniti. Penglibatan dalam badan profesional dalam dan luar negara juga perlu supaya seseorang pensyarah tersebut lebih dikenali di samping membantu dalam meningkatkan KPI universiti.

## **Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran Norma Baharu COVID-19**

Perjalanan saya sebagai pensyarah di UNIMAS berlalu dengan baik sepanjang tahun 2019 dan awal tahun 2020 sehingga serangan pandemik COVID-19 yang telah mengubah corak kehidupan kita semua. Malaysia telah merekodkan tiga kes pertama pada 24 Januari 2020 dan bermula bab COVID-19 di negara kita ini. Ekoran itu, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah diisytiharkan oleh Kerajaan Malaysia bermula pada 18 Mac 2020. Saya bersyukur kerana dapat balik Semenanjung Malaysia bersama keluarga sepanjang PKP dari 17 Mac 2020 sehingga 14 Jun 2020.

Tanggungjawab saya bertambah apabila saya perlu menyediakan bahan pengajaran dalam bentuk digital. Saya difahamkan situasi ini diselaraskan kepada semua tenaga pengajar sama ada IPTA atau IPTS. Saya berpendapat bahawa amat perlu untuk pensyarah mengubahkan set minda diri seseorang dalam mengaptasikan dan menukar kaedah pengajaran daripada kaedah secara bersemuka kepada kaedah digital. Saya dan rakan seperjuangan telah diberi pendedahan untuk berhubung dengan pelajar secara dalam talian contohnya melalui

ijah

aplikasi Cisco Webex, Google Classroom, Microsoft Teams, dan Zoom Cloud Meeting. Pembelajaran era pandemik ini boleh dianggap sebagai kaedah yang dapat melahirkan generasi yang kreatif dan inovatif. Hal ini selaras dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat.

Sebagai kesimpulannya, sebagai seorang pensyarah, saya berhadapan dengan cabaran baharu dalam gaya belajar dan bekerja terutamanya dalam berkomunikasi dengan para pelajar agar lebih kreatif dan inovatif demi memastikan tugas pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar. Sehubungan dengan ini, saya juga faham bahawa peranan pensyarah sebagai barisan hadapan dalam sektor pengajian tinggi kerana pensyarah seharusnya bersedia untuk berubah dari segi menyampaikan ilmu bukan sahaja di dalam kelas, malahan mempunyai pemikiran kritis dan analitikal untuk masa depan yang baik.



*Foto 4: Kenangan kuliah secara bersemuka bersama pelajar*